

14 JUL 1996

#### GERAKAN GANTUNG KONG HONG MING

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Pengerusi Gerakan Sabah Datuk Kong Hong Ming hari ini digantung keanggotaannya dalam parti itu kerana tindakannya tidak mengundi Rang Undang-Undang Pindaan Enakmen Hutan 1968 yang diluluskan pada persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah 17 Jun lepas.

Kong juga diberi surat tunjuk sebab mengapa beliau tidak harus dipecat dari parti. Beliau diberi tempoh seminggu untuk menjawab surat tunjuk sebab itu.

Jawatankuasa Kerja Pusat parti Gerakan mengambil keputusan itu pada mesyuaratnya yang dipengerusikan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik di ibu pejabat parti itu di sini.

Kong, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat dan bekas Menteri Perkhidmatan Sosial dalam kabinet Sabah, telah dikritik oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) kerana tindakan beliau itu.

Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata Kong harus mengubah pendirian atau meletakkan jawatan.

Sebelum itu, Kong berkata beliau bersedia melepaskan jawatannya dalam Gerakan Sabah bagi meredakan kontroversi berikutan pendiriannya itu.

Kong, yang juga naib presiden Gerakan, tidak mengundi bagi usul pindaan itu. Enakmen Perhutanan ialah satu daripada lima undang-undang negeri yang dipinda bagi mengurangkan kuasa pentadbiran Ketua Menteri Sabah.

Anggota Dewan Undangan yang dilantik, Jahid Jahim dari Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu menentang pindaan itu. Beliau kemudiannya dipecat daripada parti itu.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat selama tiga jam itu, Dr Lim berkata tindakan tegas ke atas Kong itu sejajar dengan Artikel 17.1 dan 17.2 perlembagaan parti itu.

Artikel 17.1 menyatakan bahawa CWC boleh menggantung sebarang anggota, cawangan, bahagian dan jawatankuasa perhubungan negeri kerana melakukan perbuatan yang bertentangan dengan kepentingan parti sementara siasatan selesai, manakala Artikel 17.2 menyatakan bahawa seorang anggota yang melanggar perlembagaan atau yang menyebabkan pemberontakan dan perpecahan di dalam parti mesti memberikan sebab mengapa beliau tidak boleh dipecat daripada parti.

Dr Lim berkata oleh kerana Kong masih belum menyuarakan sokongannya terhadap pindaan itu secara terbuka, sungguhpun setelah beliau (Kong) diberikan penjelasan oleh Timbalan Presiden Gerakan Datuk Kerk Choo Ting, parti itu tidak mempunyai pilihan selain daripada menggantung beliau.

Kerk mengetuai satu delegasi ke Sabah untuk memberi penjelasan kepada jawatankuasa penaja Gerakan negeri itu mengenai pendirian kepimpinan pusat parti itu berkenaan pindaan undang-undang Sabah itu.

Dr Lim berkata minggu lepas bahawa Kong perlu memberikan sokongan terhadap pindaan itu secara terbuka sungguhpun beliau telah menerima pendirian yang diambil oleh kepimpinan pusat parti itu.

Ditanya mengenai sama ada penggantungan itu akan ditarik balik sekiranya Kong mengisytiharkan sokongannya secara terbuka, Dr Lim berkata: "Kami akan tunggu dan lihat tindakan beliau selepas ini."

Ketika mengulas mengenai kritikan-kritikan yang dilontarkan terhadap parti itu berikutan tindakan Kong itu, Dr Lim berkata Gerakan "mempunyai peraturan yang jelas dan parti mematuhi peraturan-peraturan itu bagi memberikan keadilan kepada semua pihak."

Mengenai peringatan Barisan Nasional Sabah kepada Gerakan supaya menjelaskan pendiriannya mengenai tindakan Kong, Dr Lim berkata setiausaha agung parti itu Tan Sri Chan Choong Tak telah menghantar sepucuk surat bertarikh 6 Julai kepada setiausaha BN negeri Karim Haji Bujang untuk menyatakan pendirian Gerakan yang menyokong pindaan ke atas lima peraturan negeri itu.

Beliau berkata kira-kira 1,300 perwakilan akan menghadiri persidangan perwakilan Gerakan yang dijadualkan pada 14 dan 15 Sept ini. Persidangan itu dijadual akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu pejabat baru Gerakan di Jalan Pudu Ulu, Cheras.

Pemilihan parti akan turut diadakan serentak dengan persidangan itu. Sayap Wanita dan Pemuda Gerakan akan mengadakan persidangan masing-masing pada 13 Sept.

-- BERNAMA.

ES MZ AHH